


Tentukan sama ada ayat di bawah adalah betul atau salah dalam konteks frasa adjektifnya.

1. Mereka sangat sayang akan anak-anak yatim itu.
2. Murid itu paling pandai sekali dalam kelasnya.
3. Puan Wina dan suaminya amat rindu akan anaknya yang sudah berhijrah ke luar negara.
4. Menara Berkembar Petronas yang paling tertinggi itu merupakan lambang kemegahan negara kita.
5. Pemandangan di Pulau Redang amat indah nian pada waktu petang.
6. Kejatuhan saham Syarikat Wira Maju Sdn Bhd dalam BSKL ialah peristiwa yang amat terburuk sekali dalam sejarah pentadbiran Datuk Tengku.

Isi tempat kosong dengan frasa adjektif yang betul bagi melengkapkan ayat-ayat berikut.



1. Semua petak sawah di kampung ini _____ akibat kemarau panjang
2. Alias berasa _____ kerana dia berjaya melanjutkan pengajiannya di Universiti Malaya.
3. Sejak dahulu lagi, beliau menghasilkan karya sastera yang _____.
4. Abang _____ akan masakan asam pedas yang dimasak oleh ibu.
5. Tujuan Aisyah membeli baju kebarung yang berwarna _____ itu adalah untuk menghadiri majlis perkahwinan kawan lamanya.